



MHF/COR/MISC/01.1-2014

28 January 2014

Tuan Abdullah Joffri
Blk 420 Ang Mo Kio Avenue 10
#07-1113
Singapura 560420

Kepada Tuan Abdullah yang dihormati

ARTEFAK-ARTEFAK DI GEDUNG KUNING

Assalamualaikum wr wb.

2 Kami merujuk kepada surat tuan bertarikh 14 Januari 2014 dan surat balasan kami bertarikh 8 Januari 2014.

3 Sepertimana yang telah kami maklumkan dalam surat balasan tersebut, senarai perabot dan artefak telahpun diserahkan kepada pengamanah Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail, melalui wakil keluarga Tuan Mohammad Khir Johari pada 16 Oktober 2012.

4 Menurut rekod kami, perabot dan artefak keluarga waris Hj Yusoff telah didermakan pada 12 September 1999 kepada Taman Warisan Melayu (*Malay Heritage Centre*, MHC) yang pada ketika itu di bawah naungan Yayasan Warisan Melayu (MHF). Pihak Lembaga Warisan Negara (NHB) telah menerima dan menyimpan barang-barang tersebut buat sementara waktu (*for safe keeping*) bagi pihak MHC kerana bangunan Istana Kampong Gelam dan Gedung Kuning sedang menjalani kerja-kerja pemuliharaan (*conservation process*) pada ketika itu. Apabila kerja-kerja pemuliharaan selesai pada 2003, pihak NHB telah menyerahkan perabot dan artefak tersebut kepada pihak pengurusan MHF ketika itu, untuk dipamerkan di museum Istana Kampong Gelam dan Gedung Kuning. Itulah sebabnya, MHF yang menguruskan perihal barang-barang tersebut dan bukan NHB.

5 Rekod kami juga menunjukkan bahawa barang-barang tersebut telah diserahkan oleh Hj Zulkeflee Hj Ismail dan Hj Abdul Rahim Hj Yusoff melalui anaknya, Azizah Bte Hj Abdul Rahim. Oleh itu, maka wajarlah untuk kami memulangkan semula barang-barang tersebut kepada Hj Zulkeflee Hj Ismail, selaku pengamanah Estet Hj Yusoff. Kami telah dimaklumkan yang beliau telah melantik Tuan Muhammad Khir Johari untuk menguruskan hal ini bagi pihak keluarga waris Hj Yusoff. Maka itu, kami telah menyarankan pada surat kami tanggal 8 Januari 2014 agar pihak tuan menghubungi pengamanah Tuan Hj Zulkeflee Hj Ismail atau wakil keluarga, Tuan Muhammad Khir Johari untuk dapatkan maklumat selanjutnya.


6 Kenyataan Puan Zuraidah yang terdapat dalam emelnya bertarikh 9 April 2012, memang wajar kerana pada ketika itu, barang-barang tersebut masih di bawah jagaan kami. Pada ketika itu juga, beberapa perabot yang terletak di Gedung Kuning telahpun dibubuh dengan tag penghargaan. Ini telah disaksikan sendiri oleh wakil-wakil keluarga yang telah melihat barang-barang tersebut semasa pertemuan pada 21 Mei 2011.

7 Perbincangan tentang penyerahan semula barang-barang tersebut telah berlangsung antara April 2012 sehingga Julai 2012, di antara pihak MHF dan wakil keluarga Tuan Muhammad Khir Johari, bagi pihak keluarga waris Hj Yusoff. Jika dipersoalkan mengapa perbincangan hanya membabitkan Tuan Muhammad Khir Johari, itu telahpun kami jelaskan pada perenggan 5 di atas. Oleh itu, tag penghargaan tidak diletakkan pada baki perabot yang ada di Gedung Kuning kerana status barang-barang tersebut masih belum pasti. Persetujuan untuk menyerahkan semula kesemua barang tersebut akhirnya dicapai pada 10 Julai 2012. Sepertimana yang tertera dalam rekod kami, penyerahan rasmi barang-barang dan senarainya telah ditandatangani wakil keluarga Tuan Muhammad Khir Johari pada tarikh tersebut.

8 Kami difahamkan pada 16 Januari 2014, pihak tuan telahpun menghubungi Tuan Muhammad Khir Johari untuk mendapatkan butiran mengenai hal ini.

Sekian terima kasih. Wassalam.

Yang benar


Julina Khusaini
Pengurus Besar
Yayasan Warisan Melayu

Salinan kepada:

Tuan Lawrence Wong

Pemangku Menteri

Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY)

Puan Zuraidah Abdullah

Pengerusi, Yayasan Warisan Melayu (MHF)

Tuan Shaun Phua, Timbalan Pengarah, Institusi Warisan, NHB

Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail

Pengamanah (Trustee) Estet Hj Yusoff Hj Muhammad Noor
(1992 hingga kini)

Tuan Mohamad Khir Johari, ahli keluarga

Tuan Mohd Idrus Haji Ismail, ahli keluarga

Tuan Alwi Jofrie, ahli keluarga

Tuan Zulkarnine Hafiz dan Puan Masmunah Abdullah, Mamanda